

RAYTHEON DAN SYSTEMONIC MENANDATANGANI PERJANJIAN 'PUSAT KUASA'  
UNTUK CEPATKAN PENEMPATAN PENYELESAIAN KOMUNIKASI TANPA WAYAR  
DALAM  
PASARAN

PERHATIAN EDITOR EKONOMI DAN EDITOR TEKNOLOGI

SAN JOSE, Calif. dan DRESDEN, 8 Nov. /PRNewswire-AsiaNet/ --  
Systemonic Perolehi Aset Perniagaan Utama RF Networking; Raytheon  
Akan Bekalkan SiGe RF Wafers (wafer), RF IC Design Services  
(perkhidmatan reka bentuk), Perkuasakan Amplifier Dan Pegang  
Kedudukan Ekuiti.

Systemonic mengumumkan penandatanganan satu perjanjian pelbagai  
aspek dengan perniagaan Raytheon Company's Commercial Electronics  
business (RCE).

Perjanjian ini akan memberikan RCE satu rakan kongsi tumpuan yang  
akan mempergunakan aset-aset maju LAN Tanpa Wayar (WLAN) Raytheon.  
Systemonic akan menghimpunkan teknologi-teknologi yang diperlukan  
bagi menawarkan penyelesaian sistem silikon sepenuhnya yang memberi  
tumpuan kepada memperkuasakan data tanpa wayar, rangkaian video dan  
suara, merentasi standard dan di seluruh dunia

Di bawah syarat-syarat perjanjian, Systemonic telah memperolehi  
produk dan harta intelektual kumpulan RF Networking bagi RCE. Yang  
paling utama dalam senarai aset ialah cipset 5 gigahertz RF  
syarikat itu. 2 cipset ini, yang dipasarkan atas nama Tondelayo,  
akan dipadankan dengan famili perdana sirkit bersepadu CMOS  
Baseband Systemonic yang fleksibel, yang berkod nama HiperSonic(TM).

Systemonic juga akan menyokong reka bentuk dalam dan penjualan  
semula amplifier kuasa Raytheon sebagai sebahagian daripada  
penyelesaian totalnya.

"Kami berasa sangat bangga untuk menyempurnakan pengambilalihan  
teknologi 5GHz RF yang terkemuka dalam industri ini. Kami akan

menggerakkan teknologi-teknologi ini menerusi satu hubungan yang meluas dan mendalam dengan peneraju teknologi komunikasi yang diiktiraf seperti Raytheon," kata Encik Ruediger Stroh, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Systemonic.

"Kami juga berasa sangat berbesar hati untuk mengalu-alukan satu pasukan bertaraf dunia yang merangkumi para pereka bentuk RF dan perkakasan firma protokol serta kakitangan pemasaran dan operasi RF. Organisasi gabungan kami kini bersedia untuk mencapai wawasan kami bagi membolehkan penyambungan telus bagi para pengguna akhir kami."

Sebagai sebahagian daripada urusan niaga dan bertepatan dengan komitmennya untuk mejalinkan usaha sama, Raytheon telah memperolehi kepentingan ekuiti dalam Systemonic. Selain daripada itu, Raytheon akan menerima lesen lebih meluas ke atas teknologi RF generasi masa kini untuk kegunaan secara eksklusif dalam perniagaan pertahanan.

Kedua-dua syarikat itu berhasrat untuk menjalinkan kerjasama dalam definisi produk pada masa akan datang dan sebagai rakan kongsi saluran. "Perjanjian ini akan melanjutkan lagi pelaburan Raytheon dalam teknologi tanpa wayar," kata Encik Jack Wohler, presiden bagi RCE.

"Kami telah menemui satu pendekatan yang kreatif untuk menyediakan satu teknologi teras bagi Raytheon dengan keupayaan kejuruteraan dan pemasaran Systemonic." Hasil daripada urusan niaga ini, Systemonic pada mulanya akan menawarkan penyelesaian lengkap kepada para OEM yang memberi tumpuan kepada pasaran-pasaran WLAN dalam perniagaan, kediaman dan tempat tumpuan utama yang berakses internet.

Produk Baseband (jalur asas) dan RF juga akan ditawarkan dalam pasaran yang lain seperti arena titik ke titik dan arena tanpa wayar tetap pelbagai titik. Dalam pasaran yang tertentu, subsistem jalur asas dan RF juga boleh dijual dengan secara sendiri.

"Ini adalah sangat baik bagi kedua-dua syarikat ini," kata Encik Arnab K. Chanda, Penganalisis Komponen Komunikasi Kanan di Lehman Brothers. "Raytheon mendapat akses kepada satu pasukan pemikir yang memberi tumpuan kepada teknologi pengkomersilan bagi pasaran komunikasi tanpa wayar dan Systemonic mendapat akses kepada teknologi RF terbaik yang sedia ada di mana-mana juga. Hasilnya ialah satu teknologi yang sebenar dan pusat kuasa produk."

#### Realiti Pelbagai Standard

Dalam usaha untuk meminimumkan jumlah kos pemilikan, penyelesaian tanpa wayar - perangkaian haruslah menyokong secara telus pelbagai standard sedia ada, yang sedang berkembang dan sedang muncul yang mana sangat penting dalam pasaran. Dengan IEEE 802.11b telah muncul sebagai satu standard global, beberapa standard serantau sedang mencari peluang kedudukan unggul bagi protokol dan tahap prestasi generasi akan datang.

Amerika Utara telah mengguna pakai spesifikasi IEEE 802.11a dengan 802.11g pula masih dalam perbincangan. Di Eropah, HiperLAN/2 atau 802.11h mungkin menjadi protokol akan datang bagi komunikasi berkelajuan tinggi. Dengan mengatasi kekusutan serantau yang ada, Jepun dijangka menggunakan rangkaian tanpa wayar berkelajuan tinggi keluaran tempatan selain daripada standard global yang ada. Hanya Systemonic yang mencipta penyelesaian fleksibel yang berkemampuan untuk memproses gabungan protokol-protokol ini.

Kebanyakan standard serantau ini masih lagi membanjiri masuk pasaran. Malahan, pindaan dan peningkatan kepada spesifikasi 802.11b yang sudah lama ada sedang melalui peringkat akhir proses ini. Gabungkan standard-standard ini - perkembangan dengan penghijrahan teknologi secara semulajadi kepada prestasi lebih tinggi dan dunia komunikasi tanpa wayar akan menjadi satu daripada pelbagai standard dan protokol bagi banyak tahun yang akan datang.

Pendekatan boleh diprogram semulajadi Systemonic akan membolehkan para OEM terkemuka untuk meningkatkan aspek penting dalam produk mereka menerusi peningkatan perisian lapisan Baseband dan MAC.

Penyelesaian berasaskan DSP Systemonic adalah spesifik domain dan bukannya berasaskan struktur DSP bertujuan umum. Oleh yang demikian, penyelesaian-penyelesaian ini adalah efisien dari segi bidang dan kuasa apabila dibandingkan dengan cipset perkakasan dengan mempunyai kelebihan tambahan boleh diprogram yang membolehkan pendekatan "Systemonic Detect and Connect(TM)" kepada pelbagai standard protokol yang mungkin wujud dalam sebarang persekitaran.

"Matlamat kami ialah untuk mengurangkan Jumlah Kos Pemilikan para pengguna akhir. Sebagai contoh, kami membolehkan para pengurus IT untuk membeli satu PC Card yang menyokong pelbagai standard. Malahan, kami memberi tumpuan kepada menyampaikan rangkaian pada kelajuan maksimum yang mana mengurangkan bilangan Access Points," kata Encik Jim Bland, Naib Presiden bagi Jualan dan Pemasaran.

Dengan tambahan perniagaan RF Networking, Systemonic akan dapat menawarkan penyelesaian sistem tanpa wayar sebenarnya yang lengkap. Versi akan datang HiperSonic akan terus membekalkan pemrosesan digital bagi pelbagai standard.

Akses kepada teknologi RF bertaraf dunia Raytheon akan membekalkan Systemonic dengan penyelesaian menyeluruh yang saling lengkap melengkapi yang dapat memberikan kos berkesan dalam mengendalikan realiti pelbagai standard. Ini membolehkan para OEM di seluruh dunia untuk mencipta dengan cepat penyelesaian produk yang bersesuaian dengan keperluan serantau dan menghijrahkan rangkaian produk mereka bagi membolehkannya mengguna pakai standard yang berubah-ubah.

#### Maklumat Mengenai Systemonic

Systemonic ialah satu platform komunikasi tanpa wayar yang menyampaikan Penyelesaian Sistem Silikon (Silicon System Solutions) yang lengkap yang memperkuasakan data tanpa wayar, rangkaian video dan suara merentasi standard, di seluruh dunia. Platformnya yang fleksibel dan boleh dikonfigurasi semula membolehkan para pelanggan untuk membawa produk komunikasi tanpa wayar yang

menyokong pelbagai standard untuk memasarkan dengan lebih cepat, penggunaan kuasa yang rendah serta kos pemilikan yang lebih rendah.

Pada bulan November 2000, Systemonic menyempurnakan pembiayaan pusingan kedua sebanyak ASD 30 juta daripada satu konsortium pelaburan yang diketuai oleh Atlas Venture dan APAX Europe IV serta termasuk Krone mt, Robertson Stephens' Bayview 2000, LP, dan Lehman Brothers.

Systemonic telah diasaskan pada tahun 1999 selepas empat tahun penyelidikan dilakukan di University of Dresden.

NOTA: HiperSonic ialah satu tanda dagang bagi Systemonic, AG. Semua tanda dagang lain yang disebutkan di dalam dokumen ini adalah hak milik para pemilik berkenaan masing-masing.

#### Maklumat Mengenai RF Networking

RF Networking menawarkan penyelesaian dalam bentuk reka bentuk rujukan cipset dan radio kepada para OEM dan penyepadu sistem (SI) secara eksklusif. Systemonic akan memastikan perhubungan antara OEM dan SI bergerak ke hadapan. Reka-reka bentuk ini telah dibangunkan untuk memenuhi standard industri dan memuaskan keperluan pasaran untuk penyepaduan unggul dalam rangkaian tanpa wayar berperkhidmatan penuh.

Sepanjang fasa pembangunan dan pengeluaran, RF Networking telah menawarkan bantuan teknikal bagi membantu para pelanggannya untuk meningkatkan masa bagi memasarkan produk mereka. Kumpulan RF Networking adalah sebahagian daripada Raytheon Commercial Electronics, satu daripada bahagian Raytheon Company (NYSE:RTN).

SUMBER : SYSTEMONIC, AG  
HUBUNGI : DI AMERIKA UTARA,  
: BRUCE LEBOSS DARI CHIPSHOTS,  
: 408-541-8744, ATAU  
: LEBOSS@CHIPSHOTS.COM,  
: BAGI SYSTEMONIC; ATAU

: JIM HIGGINS,  
: 508-490-1391, ATAU  
: JIM.HIGGINS@SYSTEMONIC.COM, ATAU

: DI EROPAH,  
: ANTJE DAVIDS,  
: 351-80800-731, ATAU  
: ANTJE.DAVIDS@SYSTEMONIC.COM,  
: KEDUA-DUANYA DARI SYSTEMONIC

LAMAN WEB : [HTTP://WWW.SYSTEMONIC.COM](http://www.systemonic.com)

TARIKH SIARAN : 8 NOVEMBER, 2001

DIKELUARKAN OLEH BERNAMA PRWIRE MALAYSIA\*GLOBAL